

Laporan Pengarah	100
Penyata Para Pengarah	104
Pengakuan Berkanun	104
Laporan Juruaudit	105
Penyata Pendapatan	106
Kunci Kira-kira	107
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	108
Penyata Aliran Tunai	109
Nota-nota Penyata Kewangan	110

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan. Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan dalam Nota 13 dan Nota 14 kepada penyata kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan operasi	123,451	123,939
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	17,507	-
Keuntungan sebelum cukai	140,958	123,939
Cukai	(8,734)	(18,400)
Keuntungan bersih bagi tahun	132,224	105,539
Kerugian terkumpul dibawa ke hadapan	(71)	(71)
Keuntungan tersimpan dihantar ke hadapan	132,153	105,468

Tidak ada pindaan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan pada tahun kewangan ini selain daripada seperti yang dinyatakan di dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini tidak dijejaskan dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa, selain daripada skim penyusunan semula seperti yang dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada dividen telah dibayar oleh Syarikat.

Di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dividen pertama dan akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, sebanyak 4 sen ditolak 28% cukai sesaham daripada 196,698,439 saham biasa, menjadikan dividen yang akan dibayar berjumlah RM5,664,915 (2.88 sen sesaham bersih) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen yang dicadangkan ini. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian keuntungan tersimpan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

PENGARAH

Nama-nama Pengarah Syarikat sejak tarikh laporan lepas dan pada tarikh laporan ini adalah:

YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman	(Pengerusi Eksekutif Kumpulan)
YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani	(Pengarah Urusan Kumpulan)
YB Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid	
YBhg Dato' Haji Karim bin Marzuki	
YBhg Dato' Dr Ridzuan bin Akil	

MANFAAT PENGARAH (samb)

YBhg Datuk Haji Izhar bin Sulaiman dan YBhg Dato' Johari bin Abdul Ghani berasaskan kepentingan mereka dalam saham Syarikat juga dianggap mempunyai kepentingan dalam semua saham anak syarikat setakat mana Syarikat mempunyai kepentingan.

Tiada Pengarah lain yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan ini mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat atau perbadanan berkaitannya pada tahun kewangan ini.

TERBITAN SAHAM

Pada tahun kewangan ini, Syarikat telah menambah modal diterbit dan dibayar daripada RM2 kepada RM196,698,439 melalui :

- (i) penerbitan sebanyak 196,069,503 saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat berserta dengan 49,730,497 waran baru melalui Pertukaran Saham dan Waran, yang membentuk sebahagian daripada skim penyusunan semula; dan
- (ii) penerbitan sebanyak 628,934 saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham berikutan penukaran 628,934 waran pada harga pelaksanaan RM1.13 sesaham

Saham biasa baru yang diterbitkan pada tahun ini ditaraf pari passu dalam semua hal berhubung dengan saham biasa sedia ada Syarikat.

WARAN

Ciri-ciri utama waran dinyatakan dalam Nota 23 kepada penyata kewangan.

SKIM PILIHAN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")

ESOS telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan berkuatkuasa pada 8 Julai 2004. Pada tarikh laporan ini, Skim ini sedang dilaksanakan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya:
 - (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin akan direalisasi nilainya dalam perjalanan biasa perniagaan seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan, telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebagai keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan:
 - (i) jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi ke tahap yang ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan mungkin timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah sedia ada penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (samb)

- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang tuntutan ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.
- (f) Pada pendapat para Pengarah
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Kumpulan atau Syarikat memenuhi obligasinya apabila sampai masanya; dan
 - (ii) pada tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tiada perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa telah timbul yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan kecuali sepertimana yang mungkin timbul daripada skim penyusunan semula seperti yang dinyatakan dalam Nota 27 kepada penyata kewangan.

PERISTIWA PENTING

Peristiwa penting dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah

Datuk Haji Izhar bin Sulaiman
Pengerusi Eksekutif Kumpulan

Kuala Lumpur, Malaysia
15 Mac 2005

Dato' Johari bin Abdul Ghani
Pengaruh Urusan Kumpulan

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami Datuk Haji Izhar bin Sulaiman dan Dato' Johari bin Abdul Ghani, merupakan dua orang Pengarah QSR Brands Bhd, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 106 hingga 131 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan oleh MASB dan peruntukan Akta Syarikat 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2004 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah

Datuk Haji Izhar bin Sulaiman
Pengerusi Eksekutif Kumpulan

Kuala Lumpur, Malaysia
15 Mac 2005

Dato' Johari bin Abdul Ghani
Pengarah Urusan Kumpulan

PENGAKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, Dato' Johari bin Abdul Ghani, merupakan Pengarah yang mempunyai tanggungjawab utama ke atas pengurusan kewangan QSR Brands Bhd, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 106 hingga 131 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diisytihar dengan sesungguhnya
oleh penama di atas Dato' Johari bin Abdul Ghani
di Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan pada 15 Mac 2005.

Dato' Johari bin Abdul Ghani
Pengarah Urusan Kumpulan

Di hadapan saya,

Maisharah binti Abu Hasan (W181)
Pesuruhjaya Sumpah

Kepada ahli-ahli QSR Brands Bhd

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 106 hingga 131. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami.

Kami bertanggungjawab untuk membentuk pendapat yang bebas, berasaskan kepada audit kami berhubung penyata kewangan dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab kepada mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami menurut Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memberi jaminan munasabah bahawa penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting. Sesuatu audit termasuk pemeriksaan berasaskan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga termasuk menilai prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya audit kami memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Perakaunan Diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk memberi pandangan yang benar dan saksama:
 - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2004 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tahun tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 untuk diuruskan di dalam penyata kewangan.
- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar yang dikehendaki oleh Akta perlu disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan serta laporan juruaudit untuk anak-anak syarikat yang kami tidak wakili, sepertimana yang tercatat dalam Nota 13 kepada penyata kewangan, kerana ia merupakan penyata-penyata kewangan yang telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan yang disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan ini.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian yang penting kepada penyata kewangan dan tidak mengandungi sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Mohd Sukarno bin Tun Sardon
No. 1697/03/07 (J)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
15 Mac 2005

Penyata Pendapatan

untuk tahun berakhir
31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan	Syarikat	
		1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000
Hasil	3	262,796	1,400	-
Kos Jualan	4	(78,949)	-	-
Keuntungan Kasar		183,847	1,400	-
Pendapatan operasi lain		11,491	69,905	-
Keuntungan daripada penjualan pelaburan		113,930	63,930	-
Kos pengedaran		(131,337)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(43,288)	(2,055)	(71)
Perbelanjaan operasi lain		(5,467)	(5,000)	-
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	5	129,176	128,180	(71)
Kos kewangan	8	(5,725)	(4,241)	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		17,507	-	-
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		140,958	123,939	(71)
Cukai	9	(8,734)	(18,400)	-
Syarikat dan anak-anak syarikat		(5,128)	(18,400)	-
Syarikat-syarikat bersekutu		(3,606)	-	-
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun/tempoh		132,224	105,539	(71)
Pendapatan sesaham (sen)				
Asas	10	87.49		
Dicairkan	10	76.82		
Dividen bersih sesaham berhubung tahun tempoh (sen)	11	2.88	2.88	-

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

	Nota	Kumpulan 2004 RM'000	Syarikat 2004 RM'000	2003 RM'000
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, loji dan peralatan	12	83,738	-	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	13	-	115,346	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	14	325,092	27,057	-
Aset tidak ketara	15	56,718	-	-
		465,548	142,403	-
ASET SEMASA				
Inventori	16	12,895	-	-
Perdagangan akan diterima	17	1,217	-	-
Bayaran lain akan diterima	18	16,508	262,033	-
Tunai dan baki bank	19	29,801	1,744	5
		60,421	263,777	5
LIABILITI SEMASA				
Perdagangan akan dibayar	20	13,079	-	-
Pembayaran lain	21	39,898	453	76
Pinjaman bank	22	109,108	103,479	-
		162,085	103,932	76
(LIABILITI)/ASET SEMASA BERSIH		(101,664)	159,845	(71)
		363,884	302,248	(71)
DIBIYAI OLEH:				
Modal saham	23	196,698	196,698	*
Rizab	24	131,838	105,550	(71)
Ekuiti pemegang saham		328,536	302,248	(71)
Pinjaman jangka panjang	22	30,022	-	-
Cukai tertunda	25	5,326	-	-
Liabiliti bukan semasa		35,348	-	-
		363,884	302,248	(71)

* Menunjukkan RM2

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

Penyata
Perubahan
Dalam Ekuiti
untuk tahun berakhir
31 Disember 2004

Kumpulan	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan	Jumlah RM'000
		Premium saham (Nota 24) RM'000	Rizab perbezaan pertukaran (Nota 24) RM'000	Keuntungan tersimpan/ (kerugian terkumpul) (Nota 24) RM'000	
Pada 1 Januari 2004	*	-	-	(71)	(71)
Perbezaan pertukaran	-	-	(397)	-	(397)
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	132,224	132,224
Terbitan modal saham					
- pertukaran saham dan waran	196,070	-	-	-	196,070
- pertukaran waran	628	82	-	-	710
Pada 31 Disember 2004	196,698	82	(397)	132,153	328,536
Syarikat					
Pada tarikh perbadanan	*	-	-	*	*
Kerugian bersih bagi tahun	-	-	-	(71)	(71)
Pada 31 Disember 2003	*	-	-	(71)	(71)
Pada 1 Januari 2004	*	-	-	(71)	(71)
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	105,539	105,539
Terbitan modal saham					
- pertukaran saham dan waran	196,070	-	-	-	196,070
- pertukaran waran	628	82	-	-	710
Pada 31 Disember 2004	196,698	82	-	105,468	302,248

* Menunjukkan RM2

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

untuk tahun berakhir
31 Disember 2004

	Kumpulan	Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	140,958	123,939	(71)
Pelarasan bagi:			
Pelunasan bayaran francais	394	-	-
Susutnilai (Nota 12)	12,620	-	-
Perbelanjaan faedah	5,725	4,241	-
Kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	467	-	-
Pendapatan dividen daripada			
- syarikat-syarikat bersekutu	-	(404)	-
- pelaburan	-	(69,444)	-
Pendapatan faedah	(568)	(57)	-
Keuntungan daripada penjualan pelaburan	(113,930)	(63,930)	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	(17,507)	-	-
Modal kerja	28,159	(5,655)	(71)
Inventori	(5,434)	-	-
Penerimaan	(4,301)	(2,262)	-
Anak-anak syarikat	-	(258,614)	-
Pembayaran	(249,411)	377	76
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi	(230,987)	(266,154)	5
Faedah dibayar	(5,725)	(4,241)	-
Cukai dibayar	(4,100)	(19,557)	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti operasi	(240,812)	(289,952)	5
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(22,930)	-	-
Pembelian saham tambahan dalam syarikat bersekutu	(27,057)	(27,057)	-
Kutipan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	4,784	-	-
Yuran francais	(1,489)	-	-
Pembelian anak-anak syarikat (Nota 13)	(99,005)	(115,346)	-
Kutipan daripada penjualan pelaburan	260,000	260,000	-
Faedah diterima	568	57	-
Pelarasan pertukaran matawang	(397)	-	-
Dividen diterima daripada			
- syarikat-syarikat bersekutu	6,866	404	-
- pelaburan	50,000	69,444	-
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pelaburan	171,340	187,502	-
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerbitan saham	710	710	-
Pengeluaran pinjaman berjangka	103,479	103,479	-
Bayaran pinjaman berjangka	(4,921)	-	-
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	99,268	104,189	-
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI	29,796	1,739	5
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN /			
TARIKH PEMERBADANAN	5	5	*
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN (NOTA 19)	29,801	1,744	5

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

* Menunjukkan RM2

1 MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan. Aktiviti utama anak-anak syarikat dan bersekutu adalah seperti yang dinyatakan dalam Laporan Pengarah Syarikat. Tiada perubahan ketara berlaku dalam bentuk aktiviti utama tersebut pada tahun kewangan ini.

Syarikat adalah sebuah syarikat tanggungan berhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 1 April 2004. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 17, Wisma KFC, No. 17 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Bilangan purata bulanan pekerja yang diambil oleh Kumpulan dan Syarikat pada tahun ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2004 Bilangan	Syarikat 2004 Bilangan	2003 Bilangan
- Pengurusan	71	2	-
- Operasi	5,194	-	-
- Pentadbiran	88	-	-
	5,353	2	-

Penyata kewangan ini telah dilulus untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 15 Mac 2005.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan penting dan mematuhi Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan Diluluskan oleh MASB yang berkenaan di Malaysia.

(b) Asas Penyatuan

(i) Anak Syarikat

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya. Anak syarikat adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripadanya.

Anak syarikat disatu menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan anak syarikat yang diambilalih atau dijual pada tahun tersebut dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh penjualan berkuatkuasa, mengikut kesesuaian. Aset dan liabiliti sesebuah anak syarikat diukur pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan antara kos sesuatu pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih anak syarikat yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam kunci kira-kira yang disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul daripada penyatuan.

Urusniaga dalam kumpulan, baki dan keuntungan tidak direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya menunjukkan urusniaga luaran sahaja. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan kecuali jika kos tidak boleh diperolehi semula.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan sesebuah anak syarikat adalah perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset bersihnya dengan sebarang baki muhibah yang tidak dilunaskan dan perbezaan pertukaran.

Keperluan minoriti dalam kunci kira-kira yang disatukan meliputi bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenalpasti syarikat yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti daripada perubahan dalam ekuiti syarikat yang diambilalih sejak tarikh tersebut.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)

(b) Asas Penyatuan (samb)

(ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan boleh melaksanakan pengaruh penting tetapi bukan kawalan, melalui penyertaan dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan melalui kaedah ekuiti berasaskan kepada penyata kewangan yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan syarikat bersekutu. Di bawah kaedah ekuiti perakaunan, bahagian Kumpulan daripada keuntungan tolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu pada tahun dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan. Kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu dibawa dalam kunci kira-kira yang disatukan pada kos campur bahagian Kumpulan daripada keuntungan tersimpan atau kerugian terkumpul atau rizab lain selepas pengambilalihan.

Keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan kecuali kos tidak boleh diperolehi semula.

(c) Muhibah dan Aset Tidak Ketara

Muhibah mewakili lebih daripada kos pengambilalihan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenalpasti anak syarikat pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah yang timbul daripada penyatuan dipermodalkan sebagai aset dan disemak untuk kemerosotan nilai pada akhir tahun kewangan berikutan pengambilalihan tersebut dan dalam tempoh lain jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa tidak boleh diperolehi semula.

Yuran francais permulaan dan pembaharuan dan yuran pembaharuan francais dinyatakan pada kos dan dilunaskan berasaskan garis lurus selama 10 tahun.

(d) Pelaburan dalam Anak Syarikat dan Bersekutu

Pelaburan Syarikat dalam anak syarikat dan bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2(l).

Semasa penjualan pelaburan tersebut, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan jumlah bawanya diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos pembeliannya dan sebarang kos berkaitan pengambilalihan tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras Nota 2(l).

Tanah milik bebas tidak dilunaskan kerana ia mempunyai jangka hayat tidak terhad. Tanah milik pajakan jangka panjang dengan tempoh pajakan tidak tamat lebih dari 50 tahun, tidak dilunaskan kerana kesan tidak dilunaskan itu dijangka tidak ketara. Tanah pegangan pajakan dengan tempoh tidak tamat 50 tahun atau kurang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

Hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilai sepanjang anggaran hayat bergunanya berasaskan kaedah garis lurus.

Kadar susutnilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Peningkatan milik pajakan	10%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan, perabot dan kelengkapan restoran	10%

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)**(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (samb)**

Susutnilai tidak disediakan bagi pinggan mangkuk, alat pemotong dan periuk belanga. Kos penggantian aset-aset ini dicaj kepada hasil apabila ditanggung.

Apabila sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan dilupuskan, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan jumlah bawa diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan bahagian lebihan penilaian semula yang tidak digunakan daripada butiran tersebut diambilkira secara langsung kepada keuntungan tersimpan.

(f) Inventori

Inventori dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos (ditentukan berasaskan kos sebenar) dan nilai boleh realisasi bersih. Untuk memperoleh nilai boleh realisasi bersih, peruntukan sewajarnya dibuat bagi semua perkara usang dan kurang laris. Kos meliputi harga belian dan perbelanjaan berkaitan. Nilai boleh realisasi bersih mewakili harga jualan yang dianggap tolak semua kos anggaran sehingga siap dan kos yang akan ditanggung dalam aktiviti pemasaran, penjualan dan pengedaran.

(g) Tunai dan Bersamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan dan di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara, selepas ditolak overdraf bank tertunggak.

(h) Cukai

Cukai pendapatan daripada keputusan bagi tahun ini meliputi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar berhubung keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun dan ditentu menggunakan kadar cukai yang telah berkuatkuasa pada tarikh kunci kira.

Cukai tertunda diperuntuk, menggunakan kaedah liabiliti, daripada perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan jumlah yang dibawanya di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dikurangkan, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat mana keuntungan boleh dicukai mungkin tersedia yang mana perbezaan sementara boleh dikurangkan, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan merupakan sebuah gabungan perniagaan dan pada masa urusanniaga, yang tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh apabila aset direalisasikan atau liabiliti dijelaskan, berasaskan kepada kadar cukai yang telah berkuatkuasa atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh kunci kira-kira. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal tersebut cukai tertunda juga dicaj atau dikredit secara langsung ke dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada suatu gabungan perniagaan yang merupakan pengambilalihan, di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau negatif muhibah yang terhasil.

(i) Manfaat Kakitangan**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan. Ketidakhadiran jangka pendek terkumpul bergaji seperti cuti tahunan bergaji diiktiraf oleh anak syarikat asing tertentu apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan lagi kelayakan mereka untuk menerima ketidakhadiran bergaji pada masa akan datang, dan ketidakhadiran bergaji tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)

(i) Manfaat Kakitangan (samb)

(ii) Skim caruman tetap

Seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Setengah anak syarikat asing Kumpulan membuat caruman kepada skim pencen berkanun negara masing-masing. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

(iii) Ganjaran Pemberhentian

Kumpulan membayar ganjaran pemberhentian kerja yang berlaku dalam skim penyusunan semula. Ganjaran pemberhentian tersebut diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila Kumpulan mempunyai suatu rancangan formal yang terperinci dan secara realistik tidak mungkin akan ditarik balik.

(j) Pengiktirafan Hasil

Hasil diiktiraf apabila manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan tersebut mungkin akan mengalir masuk ke Kumpulan dan jumlah hasil boleh ditentukan dengan meyakinkan.

- (i) Hasil daripada restoran pizza diiktiraf di tempat jualan.
- (ii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran ditentukan.
- (iii) Hasil lain diiktiraf berasaskan akruan atau apabila hak penerimaan ditentukan.

Jualan antara syarikat dikecualikan daripada hasil Kumpulan.

(k) Matawang Asing

(i) Urusniaga Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing pada permulaannya dicatat dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusan. Pada tarikh kunci kira-kira perkara berbentuk wang dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perkara bukan berbentuk wang yang pada permulaannya dinominasi dalam matawang asing, yang dibawa pada kos masa lalu ditukar menggunakan kadar masa lalu pada tarikh urusan dan perkara bukan berbentuk wang yang dibawa pada nilai saksama ditukar menggunakan kadar tukaran yang berkuatkuasa apabila nilai ditentukan.

Semua perbezaan kadar tukaran diambilkira kepada penyata pendapatan kecuali bagi perbezaan daripada pinjaman matawang asing yang menyediakan perlindungan nilai daripada pelaburan bersih di dalam entiti asing. Perbezaan pertukaran ini diambilkira secara langsung kepada ekuiti sehingga penjualan pelaburan bersih, di mana pada masa itu ia diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) Entiti Asing

Penyata kewangan anak syarikat asing yang disatukan ditukar pada kadar akhir tahun berhubung dengan aset dan liabiliti, dan pada kadar pertukaran pada tarikh urusan berhubung dengan penyata pendapatan. Semua perbezaan pertukaran yang terhasil dimasukkan ke dalam rizab tukaran asing dalam ekuiti pemegang saham.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing diuruskan sebagai aset dan liabiliti Syarikat dan ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusan.

Kadar pertukaran utama yang digunakan bagi setiap unit matawang asing adalah seperti berikut:

	Kadar akhir tahun		Kadar purata	
	2004 RM	2003 RM	2004 RM	2003 RM
Singapura (S\$)	2.3455	2.2540	2.2527	2.1813

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)**(l) Kemerosotan Nilai Aset**

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menyemak semula jumlah bawa asetnya untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, kemerosotan nilai ditentukan dengan membandingkan nilai bawa aset berkenaan dengan jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah kadar yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai kegunaan, yang ditentukan dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan segera, kecuali jika aset tersebut dibawa pada jumlah yang dinilai semula. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diuruskan sebagai pengurangan penilaian semula setakat mana sebarang lebihan penilaian semula yang diiktiraf sebelumnya tidak digunakan bagi aset yang sama.

(m) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak yang diperuntukkan oleh kontrak instrumen berkenaan.

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian yang berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicaj secara langsung kepada ekuiti. Instrumen kewangan dikurangkan apabila Kumpulan mempunyai hak boleh laksana yang sah di sisi undang-undang untuk mengurangkan dan berhasrat untuk menjelaskan sama ada secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak.

(i) Pelaburan Bukan Semasa Lain

Pelaburan bukan semasa bagi pelaburan selain daripada dalam anak syarikat dan bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar bagi pengiktirafan dan penentuan kerugian kemerosotan nilai adalah selaras dengan Nota 2(l).

Apabila sesuatu pelaburan dijual, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan jumlah bawanya diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) Perdagangan Akan Diterima

Bayaran perdagangan akan diterima dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka. Suatu anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula ke atas semua jumlah tertunggak pada tarikh kunci kira-kira.

(iii) Perdagangan Akan Dibayar

Perdagangan akan dibayar dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa akan datang bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(iv) Pinjaman Dikenakan Faedah

Pinjaman dan overdraf bank yang dikenakan faedah dicatat pada jumlah kutipan yang diterima, ditolak kos urusan niaga.

Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan dan pembinaan hartanah pembangunan dan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset berkenaan, sehingga masa tertentu apabila aset tersebut sedia untuk kegunaannya atau dijual. Semua kos pinjaman lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada tempoh ia ditanggung.

(v) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen daripada saham biasa diiktiraf dalam ekuiti pada tempoh ia diisytiharkan dan diluluskan oleh para pemegang saham.

Kos urusan niaga sesuatu urusan niaga ekuiti diambilkira sebagai pengurangan daripada ekuiti, ditolak cukai. Kos urusan niaga ekuiti hanya meliputi kos pertambahan luaran yang berkaitan dengan urusan niaga ekuiti tersebut secara langsung, yang sepatutnya boleh dielakkan.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb)

(v) Instrumen Ekuiti (samb)

Pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang kos urusan berkaitan daripada pembelian semula saham biasa Syarikat yang tidak dibatalkan, dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dan dibentangkan sebagai pengurangan daripada ekuiti. Tiada keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam penyata pendapatan daripada penjualan, penerbitan semula atau pembatalan saham perbendaharaan. Apabila saham perbendaharaan diterbitkan semula melalui jualan semula, perbezaan antara pertimbangan jualan dan jumlah bawa saham perbendaharaan tersebut diiktiraf di dalam ekuiti.

3 HASIL

Hasil Kumpulan dan Syarikat meliputi berikut:

	Kumpulan 1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	Syarikat 1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	Syarikat 20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000
Jualan barangan	262,796	-	-
Yuran pengurusan daripada anak syarikat	-	1,400	-
	262,796	1,400	-

Hasil bagi Kumpulan mewakili wang tunai dan jumlah yang dicaj bagi jualan barangan dan perkhidmatan yang diberi selepas membolehkan diskaun jualan dan pulangan dan tidak termasuk urusan dalam kumpulan.

4 KOS JUALAN

Kos jualan mewakili kos inventori yang dijual.

5 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARIPADA OPERASI

	Kumpulan 1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	Syarikat 1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	Syarikat 20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi dinyatakan selepas dicaj:			
Kos kakitangan (Nota 6)	62,043	1,196	-
Ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif (Nota 7)	60	60	-
Bayaran juruaudit			
- audit berkanun	125	25	1
- lain-lain perkhidmatan	294	247	-
Pelunasan bagi yuran francais	394	-	-
Susutnilai (Nota 12)	12,620	-	-
Sewa tanah dan bangunan			
- syarikat bersekutu	368	-	-
- lain-lain	26,898	-	-
Yuran pengurusan akan dibayar kepada syarikat bersekutu	4,120	-	-
Kerugian daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	467	-	-
dan dikreditkan:			
Dividen kasar			
- syarikat bersekutu	6,866	404	-
- pelaburan	-	69,444	-
Faedah akan diterima			
- deposit dengan bank berlesen dan institusi kewangan	568	57	-
Keuntungan daripada penjualan pelaburan	113,930	63,930	-

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2004 (samb)

6 KOS KAKITANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000	
Upah dan gaji	42,364	720	-	
Kos keselamatan sosial	394	-	-	
Pelan caruman bertakrif	6,130	156	-	
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan	13,155	320	-	
	62,043	1,196	-	

Termasuk dalam kos kakitangan Kumpulan dan Syarikat adalah ganjaran Pengarah Eksekutif masing-masing berjumlah RM1,399,000 dan RM1,196,000 (2003: Tiada) seperti yang selanjutnya dinyatakan dalam Nota 7.

7 GANJARAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000	
Para Pengarah Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan emolumen lain	876	876	-	
Yuran	203	-	-	
Bonus	320	320	-	
	1,399	1,196	-	
Bukan Eksekutif:				
Yuran	60	60	-	
Analisis tidak meliputi manfaat bukan berbentuk wang:				
Jumlah ganjaran Pengarah Eksekutif (Nota 6)	1,399	1,196	-	
Jumlah ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif (Nota 5)	60	60	-	
Jumlah ganjaran para Pengarah	1,459	1,256	-	

Bilangan Pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran mereka termasuk dalam kumpulan berikut dianalisis seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2004	2003
Pengarah Eksekutif:		
RM600,001 - RM700,000	2	-
Pengarah Bukan Eksekutif:		
Kurang daripada RM50,000	3	-

8 KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000	
Faedah akan dibayar				
- pinjaman berjangka dan lain-lain	5,725	4,241	-	

9 CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000	
Perbelanjaan cukai bagi tahun:				
- Cukai pendapatan Malaysia	4,115	18,400	-	
Lebihan peruntukan tahun-tahun terdahulu:				
- Cukai pendapatan Malaysia	(331)	-	-	
- Cukai asing	(73)	-	-	
	3,711	18,400	-	
Cukai tertunda: (Nota 25)				
Berkaitan dengan asal dan pembalikan perbezaan sementara	1,417	-	-	
Bahagian cukai:				
Syarikat-syarikat bersekutu	3,606	-	-	
	8,734	18,400	-	

Kadar cukai berkesan bagi Kumpulan adalah lebih tinggi daripada kadar berkanun terutamanya disebabkan oleh pendapatan tertentu tidak tertakluk kepada cukai dan perbelanjaan tertentu tidak boleh dikurangkan untuk tujuan cukai.

Cukai pendapatan dalam negeri dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2003: 28%) daripada keuntungan boleh taksir yang dianggarkan bagi tahun ini. Cukai bagi undang-undang lain dikira pada kadar yang berkuatkuasa di bawah undang-undang negara tersebut.

Penyesuaian semula perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh digunakan kepada keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun pada kadar cukai pendapatan berkesan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

Kumpulan	Kumpulan		Syarikat	
	1.4.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	1.1.2004 hingga 31.12.2004 RM'000	20.11.2002 hingga 31.12.2003 RM'000	
Keuntungan sebelum cukai	140,958	123,939	-	
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2003: 28%)	39,468	34,703	-	
Kesan daripada kadar cukai berbeza di negara lain	41	-	-	
Perbelanjaan tidak boleh dikurangkan bagi tujuan cukai	2,345	1,598	-	
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(31,865)	(17,901)	-	
Lebihan peruntukan daripada cukai tertunda pada tahun terdahulu	(851)	-	-	
Lebihan peruntukan pada tahun terdahulu	(404)	-	-	
Perbelanjaan cukai bagi tahun	8,734	18,400	-	

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2004 (samb)

10 PENDAPATAN SESAHAM

(a) Asas

Pendapatan sesaham asas dikira dengan membahagikan keuntungan bersih bagi tahun dengan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan pada tahun kewangan ini.

	Kumpulan 2004
Keuntungan bersih bagi tahun (RM'000)	132,224
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan ('000)	151,128
Pendapatan asas sesaham (sen)	87.49

(b) Dicairkan

Pendapatan sesaham dicairkan sepenuhnya bagi tahun ini dikira menggunakan bilangan purata berwajaran saham yang diperbesarkan selepas kemasukan bilangan waran tertunggak yang belum dilaksanakan pada 31 Disember 2004 sebanyak 49,101,563.

	Kumpulan 2004
Keuntungan bersih bagi tahun (RM'000)	132,224
Bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan ('000)	151,128
Pelarasan bagi waran yang diandai dilaksanakan ('000)	21,003
Pelarasan bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan dan akan diterbitkan ('000)	172,131
Pendapatan sesaham dicairkan (sen)	76.82

(c) Skim Pilihan Saham Kakitangan ("ESOS")

ESOS telah diluluskan oleh Bursa Malaysia dan berkuatkuasa pada 8 Julai 2004. Pada tarikh laporan ini, Skim ini sedang dilaksanakan.

11 DIVIDEN

	Kumpulan/Syarikat			
	Jumlah	Dividen Bersih Sesaham		
	2004	2003	2004	2003
	RM'000	RM'000	Sen	Sen
Dividen pertama dan akhir sebanyak 4 sen ditolak 28% cukai daripada 196,698,439 saham biasa	5,665	-	2.88	-

Di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dividen pertama dan akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 sebanyak 4 sen ditolak 28% cukai sesaham daripada 196,698,439 saham biasa, menjadikan dividen akan dibayar berjumlah RM5,664,915 (2.88 sen bersih sesaham) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham.

Penyata kewangan tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen yang dicadangkan ini. Dividen tersebut jika diluluskan oleh para pemegang saham akan diambilkira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian keuntungan tersimpan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2004 (samb)

12 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Bangunan RM'000	Peningkatan pegangan pajakan dan pengubah- suaian RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan restoran dan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
Kos							
Pada 1 Januari 2004	-	-	-	-	-	-	-
Pengambilalihan anak syarikat	408	597	8,151	52,619	4,072	79,252	145,099
Tambahan	-	-	-	8,667	356	13,907	22,930
Penjualan	-	-	(4,733)	(4,032)	(178)	(3,258)	(12,201)
Pada 31 Disember 2004	408	597	3,418	57,254	4,250	89,901	155,828
Susutnilai Berkumpul							
Pada 1 Januari 2004	-	-	-	-	-	-	-
Pengambilalihan anak syarikat	-	-	479	28,854	2,697	34,390	66,420
Caj bagi tahun	-	-	3	6,303	372	5,942	12,620
Penjualan	-	-	(187)	(3,445)	(173)	(3,145)	(6,950)
Pada 31 Disember 2004	-	-	295	31,712	2,896	37,187	72,090
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Disember 2004	408	597	3,123	25,542	1,354	52,714	83,738

13 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	Syarikat	
	2004 RM'000	2003 RM'000
Saham tidak tercatat pada kos	115,346	-

Butir-butir mengenai anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama anak syarikat	Negara Diperbadankan	Peratus pegangan ekuiti berkesan		Aktiviti
		2004 %	2003 %	
C.I. Enterprise Sdn Bhd	Malaysia	100	-	(b)
Pizza Hut Holdings (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	100	-	(b)
Pizza Hut Restaurants Sdn Bhd @	Malaysia	100	-	(a)
PH Property Holdings Sdn Bhd @	Malaysia	100	-	(b)
Multibrand QSR Holdings Pte Ltd * @	Singapura	100	-	(b)
Pizza Hut Singapore Pte Ltd * @	Singapura	100	-	(a)
PH Properties Sdn Bhd @	Malaysia	100	-	Tidak Aktif

* Diaudit oleh syarikat gabungan Ernst & Young
@ Pelaburan ini dipegang melalui anak syarikat lain

Aktiviti-aktiviti utama anak syarikat adalah dalam operasi

- (a) Restoran pizza; dan
- (b) Pegangan pelaburan.

13 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (samb)**Pengambilalihan Anak Syarikat**

Selepas Skim Penyusunan Semula selesai pada 1 April 2004, Kumpulan telah mengambilalih seluruh kepentingan ekuiti dalam Pizza Hut Holdings (Malaysia) Sdn Bhd dengan pertimbangan tunai berjumlah RM115 juta.

Sebagai sebahagian daripada Skim Penyusunan Semula, Kumpulan telah mengambilalih seluruh kepentingan ekuiti dalam C.I. Enterprise Sdn Bhd ("CIE") untuk pertimbangan tunai sebanyak RM1.00 dan andaian jumlah dihutang oleh CIE kepada C.I. Holdings Berhad, bekas syarikat induk, sebanyak RM198 juta pada 1 April 2004.

Pengambilalihan ini mempunyai kesan berikut ke atas keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun ini:

	2004
	RM'000
Hasil	262,796
Keuntungan daripada operasi	19,361
Keuntungan bersih bagi tahun	13,075

Pengambilalihan ini mempunyai kesan berikut ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada akhir tahun:

	2004
	RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	83,738
Yuran francais	6,113
Inventori	12,895
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	298,035
Perdagangan akan diterima	1,217
Bayaran lain akan diterima	13,199
Deposit tetap	21,500
Wang tunai dan baki bank	6,557
Perdagangan akan dibayar	(13,913)
Jumlah dihutang kepada syarikat bersekutu	(11,906)
Jumlah dihutang kepada syarikat induk	(258,614)
Pembayaran lain	(26,705)
Pinjaman bank	(35,651)
Liabiliti cukai tertunda	(5,326)
Cukai	(110)
Bahagian Kumpulan daripada aset bersih	91,029

13 PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT (samb)

Pengambilalihan Anak Syarikat (samb)

Nilai saksama aset yang diambilalih dan liabiliti yang ditanggung daripada pengambilalihan subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

	1 April 2004 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	78,679
Yuran francais	5,018
Muhibah daripada penyatuan	28,013
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	291,000
Inventori	7,461
Perdagangan akan diterima	1,468
Bayaran lain akan diterima	10,909
Cukai diperolehi semula	658
Deposit tetap	9,500
Tunai dan baki bank	6,841
Perdagangan akan dibayar	(12,656)
Bayaran lain	(19,628)
Jumlah dihutang kepada syarikat berkaitan	(270,028)
Pinjaman berjangka	(40,572)
Liabiliti cukai tertunda	(3,909)
Bahagian Kumpulan daripada aset bersih	92,754
Muhibah daripada penyatuan	22,592
Kos pengambilalihan (termasuk perbelanjaan berkaitan RM346,000)	115,346
Pertimbangan pembelian dipenuhi secara:	
Tunai	115,346
Jumlah kos pengambilalihan	115,346
Aliran keluar tunai yang timbul daripada pengambilalihan:	
Pertimbangan pembelian dipenuhi secara tunai	115,346
Tunai dan bersamaan tunai subsidiari yang diambilalih	(16,341)
Aliran keluar tunai bersih Kumpulan	99,005

Tidak ada pengambilalihan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

14 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

